



# SRIKANDI KEWANGAN MALAYSIA

*Zeti Akhtar Aziz*

**JASAMU DIKENANG**

Pada tahun 2000, Malaysia mencatatkan sejarah apabila buat pertama kalinya Bank Negara Malaysia (BNM), diterajui gabenor wanita. Setelah 16 tahun memerah kepakaran demi memastikan kestabilan sistem kewangan negara,

Tan Sri Zeti Akhtar Aziz, pada April 2016, dijangka akan mengakhiri perkhidmatannya sebagai Gabenor BNM.

“

“Enam belas tahun ialah tempoh yang cukup lama. Saya telah lakukan apa-apa yang saya inginkan untuk sektor kewangan. Banyak lagi yang perlu dilakukan. BNM ialah sebuah institusi yang mantap dan saya mahu melihat BNM meningkat pada tahap yang lebih tinggi.”

”

**K**EJAYAAN Tan Sri Zeti menduduki kerusi tertinggi Gabenor BNM untuk tempoh 16 tahun membuktikan pengiktirafan kerajaan terhadap kewibawaan wanita untuk berada pada hierarki tertinggi bagi entiti yang sebegitu penting seperti BNM. Beliau menduduki kerusi terpenting dalam sistem kewangan dan perbankan Malaysia pada tahun 2000 dengan menggantikan Gabenor BNM yang keenam, Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman, yang bersara pada Mei 2000.

Dilahirkan Pada 27 Ogos 1947, Tan Sri Zeti merupakan permata dua orang tokoh negara, iaitu Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid dan Sharifah Azah Aziz. Tan Sri Zeti merupakan satu-satunya cahaya mata kepada pasangan ini.

Tan Sri Zeti memperoleh pendidikan awal di Sekolah Tinggi Assunta, Petaling Jaya, Selangor, sebelum melanjutkan pelajaran dalam bidang ekonomi di Universiti Malaya (UM). Pada tahun 1974, Tan Sri Zeti diterima melanjutkan pelajaran ke Wharton School Universiti Pennsylvania, iaitu sebuah universiti yang cukup terkenal di dunia. Kajian kedoktoran beliau berkisar mengenai aliran modal. Pada ketika itu, beliau antara rakyat Malaysia yang terawal memiliki kepakaran dalam bidang tersebut. Tan Sri Zeti memperoleh ijazah kedoktoran pada usia yang muda, iaitu ketika berusia 30 tahun. Pada ketika itu, tidak banyak rakyat Malaysia yang mampu bergelar doktor falsafah dan Tan Sri Zeti antara individu yang berusaha keras mendapatkan ilmu pengetahuan untuk dibawa pulang ke Malaysia.

Sebaik-baik sahaja beliau pulang ke tanah air, pada tahun 1979, beliau memperoleh pekerjaan dan berkhidmat di Pusat Penyelidikan dan Latihan Bank Pusat Asia Tenggara (Seacan) sebagai penganalisis ekonomi. Pada tahun 1985, beliau dilantik sebagai penolong pengurus di Jabatan Ekonomi BNM. Pada tahun 1987, beliau dilantik sebagai setiausaha Ahli Lembaga Pengarah BNM. Dua tahun kemudian, beliau dilantik pula sebagai ketua perwakilan di pejabat perwakilan BNM Malaysia, di London.

Pada 31 Ogos 1998, beliau dilantik sebagai pemangku Gabenor BNM. Pada ketika itu, Malaysia dilanda krisis kewangan ketara yang bermula sejak pertengahan tahun 1997. Krisis tersebut tercetus kerana mata wang negara Asia diserang oleh spekulator mata wang asing yang mengakibatkan mata wang di negara Asia mengalami kejatuhan mendadak.

Malaysia juga tidak terkecuali apabila ringgit Malaysia (RM) merosot hampir sekali ganda menyebabkan banyak rakyat Malaysia, terutamanya golongan usahawan dan ahli perniagaan, terjejas. Disebabkan kejatuhan mendadak RM, maka hutang syarikat meningkat dengan ketara sehingga banyak syarikat tidak lagi mampu membayar hutang mereka.



BNM bertanggungjawab mengawal selia sistem kewangan dan ekonomi negara.



Zeti mendapat sokongan dan dukungannya penuh daripada ibu bapanya yang merupakan tokoh ilmuwan negara.

Kadar hutang tidak berbayar bagi bank di Malaysia turut meningkat sehingga banyak bank mengalami masalah kewangan. Pelabur asing pula menarik pelaburan mereka

**Tan Sri Zeti berusaha keras mencari jalan keluar bagi memastikan Malaysia dapat mengharungi krisis tersebut dengan baik.**

yang mengakibatkan Bursa Malaysia mengalami kejatuhan yang teruk. Lebih memburukkan lagi keadaan, kadar faedah terpaksa dinaikkan oleh kerajaan yang pada asalnya bertujuan untuk menarik pelabur asing. Begitu pun, yang diharapkan tidak berlaku. Sebaliknya peniaga tidak mampu membiayai hutang mereka kerana terbeban dengan kos yang cukup tinggi.

Pada September 1998, kerajaan terpaksa melaksanakan dasar kawalan modal. Keputusan tersebut menyebabkan Tan Sri Ahmad Mohd. Don, iaitu Gabenor BNM yang kelima, meletakkan jawatan bersama-sama Timbalan Gabenor BNM, Datuk Fong Weng Phak. Keadaan tersebut menyebabkan Tan Sri Zeti dilantik sebagai pemangku Gabenor BNM sebelum Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman dilantik sebagai Gabenor BNM sehingga tahun 2000.

Tan Sri Zeti dikatakan sebagai antara pemain utama yang bertanggungjawab merencanakan kawalan modal yang diperkenalkan oleh perdana menteri pada ketika itu, iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad. Meskipun kawalan modal tidak disetujui banyak pihak, pada awal pengenalan kawalan modal, strategi tersebut mula menampilkan hasilnya apabila

ekonomi Malaysia sedikit demi sedikit pulih daripada serangan spekulator mata wang asing.

Segala kritikan yang dilemparkan terhadap Malaysia oleh pihak luar kerana memperkenalkan dasar kawalan modal, pada akhirnya, berakhir dengan penerimaan bahawa dasar kawalan modal berjaya mengeluarkan negara daripada krisis kewangan Asia yang hampir meranapkan ekonomi Malaysia.

Pada ketika inilah, kredibiliti dan ketokohan Tan Sri Zeti mula menyerlah sebagai tokoh perbankan dan kewangan dunia. Pada tahun 2000, Tan Sri Zeti dilantik sebagai Gabenor BNM. Beliau cukup tegas dan tidak mudah panik ketika membuat sebarang tindakan berdasarkan situasi semasa.

Pada tahun 2007/2008, sekali lagi kebolehan Tan Sri Zeti diuji apabila Malaysia tidak terlepas daripada tempiais krisis ekonomi dunia kerana krisis subprima yang melanda Amerika Syarikat (AS). Tan Sri Zeti berusaha keras mencari jalan keluar bagi memastikan Malaysia dapat mengharungi krisis tersebut dengan baik. Pada ketika itu, beliau bertindak dengan bijaknyanya apabila menyediakan pelan strategik yang dapat menjadi penampungan terhadap krisis subprima, terutamanya melalui kadar faedah yang dapat memastikan ekonomi negara pulih dan stabil untuk beberapa tahun selepas tempoh tersebut.

Pada 21 Julai 2005, Tan Sri Zeti turut menyelamatkan kadar RM berbanding dolar AS, dengan bertindak untuk tidak lagi menambat RM. Beliau yakin bahawa tambahan RM akan menyebabkan daya saing Malaysia tidak begitu baik, walhal nilai RM sepatutnya berada pada keadaan yang lebih kukuh. Tindakan Tan Sri Zeti ternyata tepat kerana sebaik-baik RM tidak lagi ditambah, kadar RM berbanding dengan dolar AS semakin mengukuh sehingga berlegar dalam lingkungan RM3.00 hingga RM3.20 bagi setiap dolar AS.

RM mula mengalami penurunan pada penghujung tahun 2014, apabila harga minyak turun dengan mendadak. Namun begitu, Tan Sri Zeti bertegas bahawa situasi tersebut tidak memerlukan negara memperkenalkan semula tamban RM kerana beliau percaya bahawa RM akan pulih semula selepas harga minyak meningkat pada tempoh akan datang.

Keperluan untuk mengurus sebarang kejutan dan pendedahan risiko luar yang memberikan kesan terhadap ekonomi Malaysia menjadi keutamaan Tan Sri Zeti. Maka beliau dengan yakinnya menyokong langkah Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang mengiktiraf renminbi (RMB) sebagai mata wang rizab IMF selain dolar, euro, yen dan paun. Baginya, tindakan yang diambil oleh IMF dapat menyeimbangkan sistem kewangan agar lebih stabil sekali gus memberikan kesan yang positif terhadap Malaysia yang sememangnya terdedah kepada faktor luaran, seperti ketidaktentuan ekonomi dunia.

Yang menariknya, meskipun Malaysia menghadapi ketidaktentuan ekonomi dunia ekoran kejatuhan harga minyak yang merudum, akaun dagangan dan semasa Malaysia kekal berada pada tahap lebihan. Melalui dasar yang diumumkan oleh BNM sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kadar hutang isi rumah berbanding dengan kadar keluaran dalam negara kasar (KDNK) diurus dengan baiknya agar tidak memberikan kesan terhadap ekosistem perbankan dan kewangan negara.

Tan Sri Zeti juga memperkenalkan kadar asas yang berkuat kuasa pada 2 Januari 2015. Kadar asas atau BR ini menggantikan kadar pinjaman asas (BLR) yang digunakan dalam sistem perbankan dan kewangan Malaysia sejak lebih 30 tahun lalu. Melalui BR, pinjaman akan menunjukkan bahawa kos dana institusi perbankan dan kewangan tidak boleh dikenakan di bawah kadar asas. Hal ini dikatakan demikian kerana kadar faedah minimum merupakan kadar asas sebenar yang dikenakan oleh sesebuah institusi perbankan dan kewangan. Dengan menggunakan pendekatan kadar asas, peminjam akan lebih mengetahui kecukupan sesebuah bank sebelum membuat sebarang pinjaman.

Pergerakan kos pinjaman bagi sesebuah bank juga dapat diketahui dan dibandingkan dengan bank lain. Dengan

tempatannya bukan setakat semakin besar, tetapi juga memiliki keupayaan untuk mengharungi sebarang krisis kewangan. Misalnya, ketika negara berhadapan dengan krisis subprima 2007/2008, bank tempatan kekal utuh. Keadaan ini jelas tidak seperti yang berlaku ketika krisis kewangan Asia 1997/1998 melanda negara.

Beliau juga banyak memberikan kebenaran kepada bank Malaysia bagi mengadakan rundingan untuk bergabung. Jumlah bank yang terlalu banyak ketika krisis kewangan Asia 1997/1998 dan pada masa yang sama, tidak begitu kukuh menyebabkan BNM memudahkan bank tempatan untuk mengadakan rundingan penggabungan. Tan Sri Zeti, yang juga merupakan ahli Kumpulan Tadbir Urus Bank Pusat Penyelesaian Antarabangsa (BIS) sejak tahun 2001 dan kini memegang jawatan Pengerusi BIS, turut berjaya mengubah landskap kewangan Malaysia apabila akta baharu untuk memperkasakan BNM diperkenalkan pada tahun 2009-2013.

Akta Bank Negara Malaysia (Akta BNM), yang mula berkuat kuasa pada tahun 2009, bertujuan membolehkan sistem kewangan Malaysia lebih kukuh dan mampan. Oleh itu, Akta Bank Negara Malaysia 1958 tidak lagi terpakai setelah 51 tahun digunakan dalam sistem perbankan dan kewangan Malaysia. Tujuan utama Akta BNM 2009 diwujudkan, tidak

“ Satu perkara yang cukup diingati pemain utama industri perbankan dan kewangan Malaysia, sepanjang perkhidmatan Tan Sri Zeti sebagai Gabenor BNM ialah apabila jumlah bank dan syarikat kewangan mula berkurangan ekoran penggabungan dan pengambilalihan secara besar-besaran selepas krisis ekonomi Asia. ”

pengenalannya BR, bank di Malaysia akan cuba sedaya upaya memastikan BR mereka pada tahap terendah, seterusnya dapat menarik minat bakal peminjam dalam membuat sebarang pinjaman daripada pihak bank. Oleh itu, pihak bank perlu terus berusaha mengurus risiko masing-masing agar dapat meningkatkan kecukupan bank yang pada akhirnya memberikan manfaat kepada peminjam melalui kadar pinjaman yang lebih rendah. Pengenalannya BR turut mengubah strategi industri perbankan dan kewangan agar lebih berdaya saing pada masa akan datang.

Satu perkara yang cukup diingati pemain utama industri perbankan dan kewangan Malaysia sepanjang perkhidmatannya Tan Sri Zeti sebagai Gabenor BNM ialah apabila jumlah bank dan syarikat kewangan mula berkurang kerana penggabungan dan pengambilalihan secara besar-besaran selepas krisis ekonomi Asia. Jumlah bank dan syarikat kewangan sebelum penggabungan dan pengambilalihan melebihi 50 buah, tetapi mula berkurang kepada kurang daripada 10 buah sahaja. Bank

lain tidak bukan, bagi memperkasakan tadbir urus BNM. Selain itu, tiga jawatankuasa lembaga, iaitu Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga, Jawatankuasa Audit Lembaga dan Jawatankuasa Risiko Lembaga, turut diwujudkan.

Bagi Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga, tujuan jawatankuasa ini ditubuhkan adalah untuk memberikan saranan terhadap keanggotaan Jawatankuasa Dasar Monetari, Jawatankuasa Pentafsir, dan jawatankuasa yang diwujudkan oleh BNM. Jawatankuasa ini berperanan memeriksa dan memberikan saranan mengenai operasi dan belanjawan BNM. Dalam hal ini, lembaga pengarah BNM memiliki kuasa untuk memberikan kelulusan.

Jawatankuasa Audit Lembaga pula berperanan untuk mengukuhkan kredibiliti akaun dan kewangan BNM. Hal ini bertujuan bagi memastikan tiada isu berbangkit mengenai kewangan BNM sebelum Jabatan Audit Negara menjalankan kerja pengauditan dan bertanggungjawab memperkukuh sistem kawalan dalaman BNM agar lebih berkesan. Hal ini

bagi memastikan tiada sebarang kelemahan kawalan dalaman sehingga dapat menjejaskan integriti BNM.

Bagi jawatankuasa ketiga, iaitu Jawatankuasa Risiko Lembaga, perannya berkaitan dengan mengurus risiko ketidaktentuan yang berkaitan dengan BNM. Lebih-lebih lagi pada ketika ini, ketidaktentuan ekonomi global mengundang pelbagai risiko, termasuklah terhadap entiti BNM. Oleh itu, mahu tidak mahu, jawatankuasa sebegini cukup penting bagi memastikan risiko yang sedang dan akan dihadapi dapat diuruskan dengan baik. Jika tidak, hal ini dibimbangkan akan memberikan impak yang besar kepada BNM dan seterusnya terhadap sektor perbankan dan kewangan Malaysia.

Tan Sri Zeti turut mewujudkan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 yang bertujuan meningkatkan tadbir urus sektor perbankan dan kewangan Malaysia agar wujud keseimbangan dalam sistem perbankan dan kewangan Malaysia. Tan Sri Zeti sentiasa memastikan Malaysia tetap utuh, terutamanya ketika krisis kewangan melanda negara, umpama kapal selamat berlabuh, sebelum tibanya ribut.

Sejak dilantik menjadi gabenor, Tan Sri Zeti amat menitikberatkan soal kewangan Islam. Beliau sentiasa memastikan kewangan Islam mendapat tempat dalam kalangan pemain industri perbankan dan kewangan. Misalnya, bon Islam pertama di dunia atau lebih dikenali sebagai sukuk dilancarkan pada tahun 2002. Sejak itu, Malaysia dikenali sebagai 'hab sukuk utama dunia'.

Tidak cukup dengan itu, sistem kewangan dan perbankan berasaskan Islam diraccakkan secara besar-besaran. Banyak



Zeti dilabel sebagai gabenor "great A" bertaraf dunia.



Zeti berharap lebih banyak pakar dalam bidang kewangan Islam dapat dilahirkan menerusi INCEIF.

bank Islam asing dibenarkan membuka operasi di Malaysia. Hal ini membolehkan banyak produk kewangan Islam terbaharu dan berinovasi turut diperkenalkan oleh bank tempatan yang sebelum ini lebih berorientasikan sistem kewangan konvensional.

Bagi memacu kecemerlangan kewangan Islam di Malaysia, Universiti Kewangan Islam Global (INCEIF) ditubuhkan. Beliau terlibat secara langsung dalam penubuhan INCEIF pada tahun 2005. INCEIF diakui sebagai universiti antarabangsa pertama di dunia yang menjadikan bidang kewangan Islam sebagai bidang tumpuannya.

INCEIF yang juga dianggotai lebih 50 buah negara di dunia, turut menawarkan pihak yang berminat untuk melanjutkan pelajaran dalam kewangan Islam sehingga ke peringkat ijazah kedoktoran. Tan Sri Zeti turut mengakui bahawa industri kewangan memerlukan kemahiran baharu yang dapat merobah industri tersebut berasaskan inovasi dan tuntutan semasa, serta kehendak pada masa akan datang. Oleh itu, INCEIF menjadi antara hab utama institusi pengajian tinggi di Malaysia dalam menjalankan penyelidikan dan pembangunan infrastruktur perbankan dan kewangan Islam. Untuk memperkasakan lagi industri perbankan dan kewangan Islam, INCEIF diberi dana pembangunan yang digunakan untuk menjalankan pelbagai program yang melibatkan kewangan Islam, termasuklah menyediakan biasiswa kepada pelajar


cemerlang untuk meneruskan pengajian dalam bidang kewangan Islam. Banyak pihak melihat INCEIF merupakan antara sumbangan terbesar Tan Sri Zeti kepada generasi negara.

Ke mana tumpahnya kuah jika tidak ke nasi? Tan Sri Zeti mengikut jejak ayahnya, Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz, yang begitu mengambil berat soal pendidikan rakyat di negara ini. Sebagai tokoh akademik yang cukup dihormati di dalam dan luar negara, semangat yang dimiliki Profesor Diraja Ungku Aziz, turut utuh tertanam dalam diri Tan Sri Zeti.

Tan Sri Zeti turut menubuhkan Majlis Penasihat Syariah menerusi Akta BNM 2009. Majlis tersebut berperanan penting dalam mengeluarkan sebarang keputusan mengenai kewangan berasaskan hukum Islam. Keanggotaan Majlis Penasihat Syariah melibatkan mereka yang pakar dalam bidang syariah, undang-undang, perbankan dan kewangan. Dalam hal ini, Yang di-Pertuan Agong, dengan nasihat menteri yang terlibat mempunyai kuasa untuk melantik ahli Majlis Penasihat Syariah. Segala permasalahan dan isu berbangkit mengenai kewangan Islam yang berlaku dalam institusi perbankan dan kewangan Islam sewajarnya dirujuk kepada Majlis Penasihat Syariah. Hal ini sekali gus mencerminkan keseriusan negara menerusi BNM untuk merealisasikan Malaysia sebagai hab kewangan Islam yang paling utama pada peringkat dunia.

#### TOKOH SEPANJANG ZAMAN

Untuk menghargai sumbangan beliau yang cukup besar dalam bidang kewangan Islam, kerajaan, pada tahun 2010, memilih Tan Sri Zeti sebagai Tokoh Maal Hijrah 1432. Pemilihan tersebut mencatatkan sejarah tersendiri apabila beliau wanita pertama dikurniakan anugerah tersebut selepas 24 tahun diperkenalkan. Sekali lagi, Tan Sri Zeti menjejak langkah ayahnya yang turut dinobatkan Tokoh Maal Hijrah pada tahun 1999. Dua generasi ini mencatatkan kejayaan paling luar biasa apabila mereka diiktiraf dalam memartabatkan syiar Islam.



Bangunan utama INCEIF di Kuala Lumpur.

Sebelum itu, Tan Sri Zeti menerima anugerah Pingat Emas Tun Fatimah sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan beliau sebagai tokoh wanita Malaysia yang berjaya menakluki kerusi tertinggi BNM yang selama ini dimonopoli tokoh lelaki. Anugerah tersebut diberikan ketika beliau baru sahaja menduduki kerusi tertinggi BNM pada tahun 2000.

Pada tahun 2005, Tan Sri Zeti dinobatkan sebagai Gabenor Bank Pusat terbaik oleh Euromoney. Pengiktirafan tersebut disampaikan kerana kecemerlangan beliau memacu sistem pertukaran asing, industri perbankan, dan pasaran modal ke arah yang lebih baik dan mantap. Anugerah tersebut merupakan pengiktirafan antarabangsa dan hanya gabenor yang terbaik sahaja yang mampu mendapat pengiktirafan tersebut.

Pada peringkat antarabangsa, Tan Sri Zeti pernah diberi tanggungjawab yang besar untuk mempengerusikan mesyuarat eksekutif bank pusat Asia Timur Pasifik, pada tahun 2006. Mesyuarat tersebut diadakan untuk menetapkan hala tuju masa hadapan bagi meningkatkan lagi kerjasama kewangan pada peringkat Asia Timur Pasifik.

Pada tahun 2009, Tan Sri Zeti dilantik sebagai ahli suruhanjaya pakar bagi Presiden Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Sebagai ahli suruhanjaya tersebut, beliau berperanan penting mereformasi sistem kewangan antarabangsa. Kepakaran beliau diiktiraf pada peringkat antarabangsa dalam memberikan pandangan dan idea, khususnya pada ketika kewangan dunia semakin kompleks dan canggih.

Sebagai Gabenor BNM yang memiliki kepintaran dalam bidang kewangan, perbankan, dan berwisata pada peringkat antarabangsa, beliau dinamai oleh *Bloomberg* sebagai tokoh yang berupaya untuk mengetuai IMF yang merupakan antara organisasi terpenting dalam sistem kewangan antarabangsa. Pencalonan tersebut membuktikan bahawa segala tindakan yang dilakukan olehnya sepanjang bergelar Gabenor BNM menjadikannya bak permata yang berkilau dan sentiasa mencuri tumpuan banyak pihak di dalam dan luar negara.

Pada tahun 2014, beliau menerima dua anugerah terbilang yang mengiktiraf kepimpinan beliau dalam bidang kewangan sebagai tokoh bank pusat. Anugerah tersebut ialah Anugerah Kejayaan Sepanjang Hayat oleh Perdana Menteri Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Pemerintah Dubai, Mohammed Rashid Al-Maktoum, dan pada tahun 2015, Tan Sri Zeti menerima Pingat Dekan Wharton, Universiti Pennsylvania, yang merupakan anugerah tertinggi yang diberikan oleh universiti tersebut kepada mantan pelajar yang memberikan impak yang cukup besar terhadap bidang masing-masing. Pada Januari lalu, iaitu kira-kira empat bulan sebelum kontrak perkhidmatannya sebagai Gabenor BNM untuk tempoh lima tahun tamat, Tan Sri Zeti sekali lagi dikurniakan Anugerah Sepanjang Hayat oleh *Jurnal Bank Pusat*,



Zeti dinobatkan sebagai Tokoh Maal Hijrah 1432.

iaitu sebuah penerbitan kewangan bagi Bank Pusat yang berpangkalan di London. Beliau merupakan antara gabenor yang merekodkan pencapaian "gred A" dalam kalangan peneraju Bank-bank Pusat untuk kali ke-12 berturut-turut oleh majalah *Global Finance*.

Jelaslah bahawa Tan Sri Zeti sewajarnya diangkat dan diiktiraf oleh semua pihak di dalam dan luar negara sebagai tokoh kewangan sepanjang zaman. Sekiranya kontrak lantikannya yang berakhir pada April ini tidak disambung, Tan Sri Zeti akan meninggalkan BNM sebagai gabenor untuk tempoh 16 tahun.

Sehingga artikel ini ditulis (10 Mac lalu), belum ada sebarang pengumuman dibuat oleh kerajaan berhubung dengan status kontrak Tan Sri Zeti atau penggantinya.

"Tidak mungkin." Itulah reaksi Tan Sri Zeti ketika ditanya mengenai spekulasi kontraknya bakal disambung. Beliau meminta agar semua pihak, khususnya media, agar bersabar kerana pengumuman penggantinya pasti akan diumumkan tidak lama lagi.

"Anda perlu bersabar," katanya kepada media selepas melancarkan Platform Akaun Pelaburan di Sasana Kijang, pada 17 Februari lalu. Beliau turut memaklumkan percutiannya menjelang hari persaraannya.

"Seperti yang saya katakan dahulu, selepas ini saya akan mula menulis selain memberikan sokongan kepada entiti pendidikan, seperti INCEIF, ICLIF, selain sebuah sekolah perniagaan yang akan memulakan operasi pada tahun ini," tambah Tan Sri Zeti sambil tersenyum.

Pemimpin bersilih ganti. Begitu juga dengan Tan Sri Zeti. Dalam keadaan ekonomi yang cukup mencabar pada hari ini, BNM sudah tentu mengharapkan nakhoda yang mampu membawa "sentuhan ajaib" yang dapat menyelamatkan ekonomi negara. Hanya yang terbaik dalam kalangan yang terbaik akan layak menerajui BNM ke persada kemuncak kecemerlangan dan kegemilangan sebagaimana yang dilakukan dan dibuktikan oleh wanita hebat yang membanggakan bangsa dan negara ini. 🇲🇾

# PENERAJU BNM

## (1959-APRIL 2016)

NUR SHARMIN HISHAM

**S**EKSYEN 15 (1) Akta Bank Negara Malaysia (BNM) 2009 memperuntukkan bahawa gabenor hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, dan timbalan gabenor dilantik oleh menteri (yang bertanggungjawab terhadap kewangan negara). Sejak penubuhannya pada tahun 1959, BNM diterajui tujuh orang gabenor.

Penolong Gabenor Bank Komanwel Australia (Bank Pusat Australia), Tan Sri William Howard Wilcock, merupakan individu pertama yang memegang jawatan Gabenor BNM. Beliau ialah warganegara Australia yang datang ke Malaya pada tahun 1958. Pada ketika itu, beliau dilantik sebagai penasihat perbankan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.



Pada 26 Januari 1959, Yang di-Pertuan Agong yang pertama, Tuanku Abdul Rahman ibni Al-Marhum Tuanku Muhammad, melantik beliau sebagai gabenor dan pengerusi Lembaga Bank Pusat Malaya atau lebih dikenali sebagai Bank Negara Tanah Melayu untuk tempoh dua tahun. Kontraknya

disambung untuk tempoh enam bulan sebelum beliau bersara pada 25 Julai 1962. Tun Ismail Mohamed Ali menjadi rakyat Malaysia yang pertama dilantik sebagai Gabenor BNM. Pada tahun 1960, beliau dilantik sebagai Penolong Gabenor Bank Negara Tanah Melayu.



Beliau mula menyandang jawatan Gabenor BNM dari 26 Julai 1962 sehingga 26 Julai 1980. Semasa perkhidmatannya, beliau menetapkan tanda aras kepada nilai teras BNM dengan menerapkan budaya akauntabiliti, profesionalisme, integriti dan perkhidmatan. Beliau ialah abang isteri mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Siti Hasmah Mohamed Ali. Tun Ismail meninggal dunia pada 19 Julai 1998.



Tan Sri Abdul Aziz Taha mula menyertai BNM pada tahun 1969 sebagai penolong pengurus di Jabatan Pelaburan dan

Perakaunan. Beliau dilantik menjadi gabenor pada 26 Julai 1980 dan meletakkan jawatan lebih awal, iaitu pada 4 Mac 1985. Tempoh perkhidmatan beliau sepatutnya tamat pada Jun 1985. Beliau sentiasa berusaha memastikan objektif utama setiap bank pusat sebagai pendukung kestabilan ekonomi, sistem kewangan, dan membantu serta menasihati kerajaan mengenai dasar kewangan dan fiskal yang kukuh.



Sebaik-baik Tan Sri Abdul Aziz melepaskan jawatan, kerajaan melantik Tan Sri Jaffar Hussein pada 7 Mac 1985, sebagai Gabenor BNM yang baharu. Sebelum pelantikan tersebut, Tan Sri Jaafar ialah Ketua Pegawai Eksekutif Maybank. Ketika beliau mentadbir BNM, beliau menggubal Akta Perbankan dan Institusi Kewangan 1989. Pada Mei 1988, penyeliaan industri insurans turut dipindahkan daripada Kementerian Kewangan kepada BNM. Beliau juga salah seorang yang bertanggungjawab menubuhkan Suruhanjaya Sekuriti, National Mortgage Corporation Cagamas Bhd. dan Rating Agency Malaysia Bhd. Beliau meletakkan jawatan pada 1 April 1994.

Tan Sri Ahmad Mohd Don dilantik Gabenor yang kelima BNM, pada Mei 1994 untuk tempoh tiga tahun. Pada Mei 1997, beliau dilantik semula untuk tempoh yang sama. Ketika beliau mentadbir BNM, Asia dilanda serangan spekulasi mata wang. Mantan Perdana Menteri, Tun Mahathir Mohamad, mencadangkan agar Ringgit Malaysia (RM) ditambah kepada Dolar Amerika dan mengurangkan kadar faedah pinjaman. Tan Sri Ahmad dan timbalannya, Datuk Fong Weng Phak, bertindak meletakkan jawatan pada 1 September 1998. Ada pihak yang mengaitkan keputusan tersebut sebagai tidak bersetuju dengan dasar yang dicadangkan oleh perdana menteri.



Pada 7 September 1998, Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman dilantik sebagai Gabenor BNM keenam. Beliau sebelum itu memegang jawatan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi, di Jabatan Perdana Menteri, untuk tempoh tujuh-tahun. Apabila beliau mengambil alih jawatan Gabenor BNM, Asia mengalami krisis kewangan yang membimbangkan. Pada September 1998, RM ditetapkan pada RM3.80 bagi setiap Dolar AS. Sepanjang



tempoh perkhidmatannya, beliau mengamalkan dasar proaktif dan mesra perniagaan untuk memulihkan ekonomi. Fokus utama beliau adalah untuk meningkatkan ekonomi Malaysia dengan inisiatif khusus bagi merangsang pelaburan domestik dan asing.

Pada 29 Julai 1999, BNM mengumumkan program penggabungan bagi sektor perbankan domestik. Sebanyak 55 buah institusi perbankan Malaysia bergabung menjadi enam buah bank utama. Keperluan untuk bank tempatan bergabung menjadi penting apabila organisasi perdagangan dunia memberikan tekanan kepada negara untuk membuka pasaran kewangan mereka kepada bank asing. Pada Ogos 1999, penggabungan enam buah bank utama di Malaysia bermula, yang melibatkan Malayan Banking Bhd., Bank of Commerce (M) Bhd. / Bank Bumiputra Malaysia Berhad, Public Bank Bhd., Southern Bank Bhd., Perwira Affin Bank Bhd. dan Multi-Purpose Bank Berhad.

Pada Oktober 1999, sebanyak 58 institusi perbankan domestik, bank perdagangan, bank saudagar, dan syarikat kewangan menandatangani memorandum persefahaman berkenaan dengan program penggabungan. Beberapa bulan kemudian, BNM memansuhkan pelan tindakan tersebut dan membenarkan bank untuk memilih rakan mereka sendiri dalam pelan penggabungan yang dibuat. Tan Sri Ali Abul Hassan bersara pada 1 Mei 2000 dan digantikan dengan srikandi, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz. Beliau berkhidmat sebagai Gabenor BNM selama 16 tahun. Perkhidmatan beliau dijangka berakhir pada April 2016. Sehingga artikel ini ditulis, kerajaan belum mengumumkan sebarang pelantikan Gabenor BNM. Tan Sri Zeti menjadi gabenor kedua paling lama selepas Tun Ismail yang menerajui BNM untuk tempoh 18 tahun. ☺



“Sejak penubuhan BNM pada tahun 1959, BNM diterajui tujuh orang gabenor.”

Tan Sri W.H. Wilcock  
(Januari 1959 - Julai 1962)

Tun Ismail Mohamed Ali  
(Julai 1962 - Julai 1980)

Tan Sri Abdul Aziz Taha  
(Julai 1980 - Jun 1985)

Tan Sri Jaffar Hussein  
(Jun 1985 - Mei 1994)

Tan Sri Ahmad Mohd Don  
(Mei 1994 - Ogos 1998)

Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman  
(September 1998 - April 2000)

Tan Sri Zeti Akhtar Aziz  
(Mei 2000 - April 2016)